

# THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS
2. Bagaimana THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS berfungsi
3. Sebelum menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS
4. Cara menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS
5. Semasa menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
10. Tarkih kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS**  
THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETSs digunakan bagi pengurangan kelikatan kahak

## Bagaimana THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS berfungsi

THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS mengandungi Bromhexine yang merupakan sejenis ubat ekspektoren mukolitik (agen yang melarutkan kahak tebal) yang bertindak melakukan rangsangan pada kelenjar mukus bagi menghasilkan rembesan dan mengurangkan kandungan asid serat glikoprotein.

## Sebelum menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS

Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap Bromhexine hydrochloride.

## Sebelum mula menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:  
- anda mempunyai alahan terhadap ubat-ubatan lain.

- anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- anda mengambil ubat tambahan diet.
- anda menghadapi ulser gastrik.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya anda perlu menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS dengan ubat-ubatan yang lain. Anda juga perlu memaklumkan pada mereka tentang semua ubat-ubatan yang anda sedang ambil, termasuk:  
- Erythromycin, cephalixin and amoxicillin

## **Cara menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS** Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:  
1-2 tablet (8-16mg) 3-4 kali sehari

Kanak-kanak 5-10 tahun: ½ tablet (4mg), 3 kali sehari

Kanak-Kanak di bawah 5 tahun: ½ tablet (4mg), 2 kali sehari

### Bila perlu digunakan

Ambil 3 kali sehari.

### Berapa lama perlu digunakan

THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS perlu diambil seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa berbincang dengan doktor anda. Sila berjumpa doktor anda jika gejala anda tidak bertambah baik.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera

atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS**

### Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat mengikut arahan doktor atau maklumat pada kotak ubat.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda. anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa mengambil ubat ini jika anda menghadapi ulser gastrik.
- Jangan makan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS semasa trimester pertama kehamilan and semasa menyusukan bayi.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan lain THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini walaupun tidak semua orang mengalaminya. Jumpa doktor anda dengan segera jika anda mempunyai mana-mana kesan sampingan yang serius berikut. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan yang segera.

- Gangguan perut dan usus.
- Peningkatan ketahanan sementara dalam tahap serum transaminase (enzim yang biasanya terdapat dalam

# THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

---

sel hati dan jantung dan masuk ke dalam darah apabila hati atau jantung rosak). Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut. Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku.

THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segala sekiranya anda mengalami mana-mana simptom berikut:

- Alahan yang teruk: sukar bernafas, sakit kepala ringan, kulit bengkak atau ruam.
- Tindak balas kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan THROZZ BROMHEXINE 8MG TABLETS** *Penyimpanan*  
Simpan di bawah suhu 8°C.  
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dihapuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat-ubatan jika tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam persekitaran

### **Maklumat Lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih hingga putih pudar, bermata serong pada satu sisi dan garis putus pada sisi yang lain.

#### Bahan-bahan kandungan

##### *Bahan aktif*

Bromhexine Hydrochloride 8mg

*Bahan tidak aktif*  
Lactose Monohydrate 200M  
Maize Starch  
Magnesium Stearate

#### Nombor MAL

MAL26056033XZ

#### **Pengilang**

SAGA LIFESCIENCES LIMITED  
Survey No. 198/2 & 198/3  
Chachrawadi Vasna  
Ta.Sanand District  
Ahmedabad  
382210 India

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medicinspire Global Sdn Bhd  
B-5-28, Ativo Plaza  
No.1, Jalan PJU 9/1  
Damansara Avenue  
Bandar Sri Damansara  
52200 Kuala Lumpur  
Malaysia

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

27/03/2026

#### **Nombor Siri**

NPRA (R2) 26/041